

PROFIL KORPORAT

**Semporna
Prihatin**

PERTUBUHAN SEMPORNA PRIHATIN

FB : Semporna Prihatin

ISI KANDUNGAN

1 **PENDAHULUAN**
Latar Belakang Penubuhan

2 **CARTA ORGANISASI**
Senarai Jawatankuasa Pertubuhan

3 **VISI & MISI**
Fokus utama dan perancangan pertubuhan

4 **OBJEKTIF**
Sasaran utama pertubuhan

5 **KERJASAMA STRATEGIK**
kerjasama dengan Organisasi pelbagai

6-13 **PROJEK & AKTIVITI**
Perkhidmatan yang disediakan Semporna Prihatin

PENDAHULUAN

Pertubuhan Semporna Prihatin secara rasminya telah ditubuhkan pada bulan Mac 2020 untuk membantu masyarakat Semporna yang terkesan dengan Pandemik Covid-19 yang menggemparkan seluruh dunia. Pengasas kepada pertubuhan ini adalah Encik Hassan Unus, graduan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam bidang Perakauanan. Beliau yang merupakan anak kelahiran Semporna merasakan bahawa perlunya pertubuhan ini di Semporna bagi membantu dan memberikan khidmat kemanusiaan bagi golongan fakir miskin dan golongan yang kurang berkemampuan. Golongan yang disasarkan juga adalah masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman dan pulau-pulau di Semporna.

Pada awal tahun 2021, Semporna Prihatin telah mengembangkan peranannya dalam bidang pendidikan. Sebuah pusat pembelajaran Islam telah dibina di Kampung Pekan 2, Semporna yang dikenali sebagai Pusat Pembelajaran Islam Alhuda. Pusat ini telah mula beroperasi pada awal Februari 2021 sehingga hari ini. Pelajar yang diterima masuk ke dalam Al-Huda adalah anak-anak asnaf dan anak yatim paitu. Cawangan kedua Alhuda kemudian dibuka di Kampung Kuala Bibang Semporna pada bulan Oktober 2021 dan mula beroperasi pada November 2021.

Selain pendidikan dan bantuan kemanusiaan, Semporna Prihatin juga berperanan untuk membantu masyarakat Semporna meningkatkan taraf ekonomi dengan menyediakan modal berniaga kepada golongan fakir miskin untuk meneruskan kehidupan.



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966
PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3
(Peraturan 5)

SIJIL PENDAFTARAN

Adalah diperakui bahawa
PERTUBUHAN SEMPORNA PRIHATIN (SPRIHATIN)
LOT151 KG SRI JAYA JALAN MENTERITIP SEMPORNA SABAH
91308 SEMPORNA
SABAH

hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah

PPM-023-12-27102020


Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada
27 hari bulan Oktober 2020



(MASYATI BINTI LABANG IBRAHIM)

Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia

CARTA ORGANISASI



VISI & MISI



Visi

Menjadi pertubuhan yang memberi khidmat bantuan tanpa batas kepada masyarakat seluruh Sabah menjelang tahun 2030



Misi

Menyediakan bantuan kemanusiaan demi membangun masyarakat di Sabah.



OBJEKTIF

Penubuhan Pertubuhan Semporna Prihatin adalah untuk mencapai objektif berikut;

1. Untuk meningkatkan taraf pendidikan golongan fakir miskin dan yatim piatu.
2. Untuk membantu meningkatkan taraf hidup golongan fakir dan miskin.
3. Untuk membantu mangsa-mangsa yang ditimpa musibah dan bencana alam.





KERJASAMA STRATEGIK

KERJASAMA STRATEGIK

Selain Yayasan Ikhlas, Semporna Prihatin juga menjalin kerjasama strategik dengan organisasi dan badan korporat lain dalam mencapai objektif sebenar pertubuhan di samping memperluaskan rangkaian sosial untuk manfaat di masa depan.




Semporna Prihatin



PROJEK & AKTIVITI

PROJEK & AKTIVITI

ANTARA PROJEK DAN AKTIVITI
SEPANJANG PERTUBUHAN SEMPORNA
PRIHATIN



**BAKUL
MAKANAN
YANG DIAGIHKAN KE
KAMPUNG PEDALAMAN
DAN PULAU DI
SEMPORNA**

1. PENGAGIHAN 12,000 BAKUL MAKANAN

Ramai yang terkesan akibat wabak pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada Tahun 2020. Selain ekonomi dan pendidikan yang terjejas akibat pandemik ini, masih banyak golongan miskin dan tidak berkemampuan yang jauh lagi terkesan sehingga tidak mempunyai beras untuk dimakan setiap hari. Keadaan ini menjadi pendorong utama tertubuhnya Semporna Prihatin. Sehingga November 2021 bermula Mac 2020, **sebanyak 12,000 bakul makanan yang telah diagihkan** kepada masyarakat Semporna. Sekatan pergerakan menyebabkan golongan fakir miskin tidak dapat mencari pendapatan yang diperolehi setiap hari. Sehari-hari tidak bekerja menyebabkan dapur mereka tidak dapat berasap. Semporna Prihatin datang memberikan bantuan makanan meringankan beban golongan ini.

2. BAIK PULIH 10 BUAH RUMAH ASNAF

MEMBANTU GOLONGAN ASNAF

Semporna Prihatin juga menyediakan perkhidmatan membaik pulih rumah-rumah asnaf yang uzur dan bahaya untuk didiami. Kebanyakan rumah-rumah mereka mempunyai atap yang bocor dan menyebabkan rumah banjir ketika hujan melanda.

Terdapat juga rumah-rumah di pulau yang menggunakan kayu yang rapuh di atas air. Semporna Prihatin menggantikan tiang-tiang mereka dengan kayu bulian agar dapat bertahan dan selamat untuk didiami.

Rumah-rumah yang dibaik pulih kebanyakannya mempunyai penghuni yang ramai meskipun hersaiz kecil. Semporna Prihatin membaik pulih rumah mereka sehabis baik bagi memastikan mereka tidak perlu dibasahi hujan yang menembusi atap mereka.



**"KAMU TIDAK SEKALI-KALI AKAN DAPAT MENCAPAI (HAKIKAT) KEBAJIKAN DAN KEBAKTIAN (YANG SEMPURNA) SEBELUM KAMU DERMAKAN SEBAHAGIAN DARI APA YANG KAMU SAYANGI. DAN SESUATU APA JUA YANG KAMU DERMAKAN MAKA SESUNGGUHNYA ALLAH MENGETAHUINYA."
(ALI IMRAN 92)**



3. BANTU PENIAGA ASNAF

Memberi modal kepada 10 asnaf untuk memulakan perniagaan

Salah satu objektif Penubuhan Semporna Prihatin adalah membangunkan taraf hidup golongan fakir miskin di Semporna. Antara inisiatif untuk mentapai objektif ini adalah dengan membantu para asnaf untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dengan memberikan modal kepada mereka tanpa mengenakan caj tambahan ataupun riba.

Antara 10 orang asnaf itu, 8 daripadanya adalah ibu tunggal yang kematian suami.

Para ibu tunggal ini terpaksa menyara keluarga untuk memberi makan dan pakai buat anak-anak. Dengan modal yang diberikan oleh Semporna Prihatin, mereka akan memulakan dengan menjual makanan seperti kuih muih, air balang dan lauk pauk yang dijual dengan harga yang murah. Sasaran pelanggan mereka adalah golongan yang berpendapatan rendah sama seperti mereka.

Semporna Prihatin juga tidak mengenakan tempoh bayaran yang menekan para asnaf. Dalam masa yang sama, Semporna Prihatin tetap memantau perjalanan perniagaan mereka dari semasa ke semasa.





3. BANTU PESAKIT SIHAT

Semporna Prihatin juga menyediakan perkhidmatan bantuan kesihatan kepada golongan fakir miskin. Bagi golongan yang tidak mempunyai Kad Pengenalan atau Surat Lahir, mereka tidak boleh mendapat rawatan percuma di Hospital Kerajaan. Sebaliknya mereka perlu mendapatkan rawatan di Klinik Swasta yang memerlukan kos yang sangat tinggi. Justeru, Semporna Prihatin sangat mengambil berat akan golongan-golongan sebegini dengan membantu meringankan kos rawatan di Klinik dan menyumbangkan alatan kesihatan seperti katil dan kerusi roda.

4. PENUBUHAN 2 BUAH SEKOLAH

Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda



**LAWATAN YAYASAN
IKHLAS & MAJLIS
DAKWAN NEGARA
SABAH**

12 November 2021

Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda

Cawangan Pertama: Kampung Pekan 2, Semporna.

Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda mula dibina pada akhir tahun 2020 di Kampung Pekan 2, Semporna, Sabah dan mula beroperasi pada akhir Januari tahun 2021. Pusat Pembelajaran Islam ini diasaskan oleh pengasas Pertubuhan Semporna Prihatin, Encik Hassan Bin Unus. Pusat ini juga adalah di bawah naungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Ikhlas. Penubuhan pusat ini merupakan satu inisiatif bagi membantu anak-anak asnaf di Semporna yang terdiri daripada fakir miskin dan yatim piatu untuk mendapatkan pendidikan secara percuma.

Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda menyediakan pembelajaran asas kepada anak-anak asnaf yang tidak berpeluang untuk belajar sama ada formal ataupun tidak formal. Anak-anak ini didedahkan dengan pembelajaran asas fardhuain, asas 3M iaitu menulis, membaca dan mengira.



Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda

Cawangan kedua: Kampung Kuala Bibang, Semporna.



Setelah melihat akan keperluan penduduk kuala bibang terhadap pendidikan terutamanya golongan kanak-kanak asnaf, Semporna Prihatin telah membuka cawangan kedua Kluster Pendidikan di Kampung Kuala Bibang. Perjanjian Kerjasama bersama antara Pewaqaf bangunan dan tanah iaitu Tuan Haji Aldam bin Bandong, Us Yahsin (Pengurus Madrasah at Tahzib Al Islamiah) dan Us Hassan bin Unus (Pengerusi Semporna Prihatin/YI Caw Semporna) telah diadakan pada 16 Mei 2021.



Akhirnya pada Oktober 2021, Pusat Pembelajaran Islam Al-huda cawangan yang kedua telah berdiri teguh dan dirasmikan oleh Sahibus Samahah Datuk Haji Bungsu@Aziz bin Haji Jaafar di Majlis Perasmian pada tarikh 11 November 2021. Alhuda kemudiannya mula beroperasi pada pertengahan bulan tersebut.







Semporna Prihatin

HUBUNGI KAMI



011-3538 4068



<https://web.facebook.com/semponaprihatin/>



Pusat Pembelajaran
Islam Alhuda,
Kampung Pekan 2,
Semporna.

UNTUK MENYUMBANG:

**MAYBANK
SEMPORNA PRIHATIN
560045078449**